



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)  
JABATAN PERDANA MENTERI  
Aras 6, Setia Perdana 2  
Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : 603-8000 8000  
Faks : 603-8888 3163  
Portal Rasmi : [www.mampu.gov.my](http://www.mampu.gov.my)

Ruj. Kami : MAMPU.700-2/3/1 JLD.3 (45)  
Tarikh : 25 Jun 2020

Pengarah Eksekutif,  
DAPAT Vista (M) Sdn. Bhd.,  
Kelana Center Point,  
Unit 548 & 550, Block A,  
3, Jalan SS7/19,  
47301 Petaling Jaya,  
Selangor.  
(u.p.: Encik Sabri Ab Rahman)


Tuan,

**KEBENARAN LANJUTAN TEMPOH UNTUK MENGGUNAKAN COMMON  
INTERCARRIER SHORT CODE (CISC) 15888 KEPADA SYARIKAT DAPAT  
VISTA (M) SDN. BHD.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bertarikh 22 Jun 2020 adalah dirujuk.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah memperkenalkan perkhidmatan mySMS 15888 untuk agensi Kerajaan bermula pada tahun 2008. Perkhidmatan ini telah dilaksanakan oleh Syarikat DAPAT Vista (M) Sdn. Bhd. (DAPAT Vista) secara *Build, Own and Operate* (BOO) melalui perjanjian yang telah ditandatangani pada 17 Disember 2008. Perjanjian terakhir telah tamat pada 17 Ogos 2018 dan tidak lagi diperbaharui.
3. MAMPU seterusnya telah memberi kebenaran kepada DAPAT Vista untuk menggunakan nombor *Common Intercarrier Short Code* (CISC) 15888 bagi meneruskan pelaksanaan Perkhidmatan mySMS Kerajaan sehingga 31 Disember 2020 melalui surat kebenaran yang bertarikh 9 Ogos 2019 (Rujukan: MAMPU.700-2/3/1 JLD.3 (39)).
4. Untuk makluman tuan, hasil kaji selidik yang dijalankan terhadap agensi-agensi Kerajaan dan statistik penggunaan perkhidmatan mySMS 15888,

**BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI**



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015 NO.SIJIL: 11013624

ISO/IEC 27008:2011  
ISMS 02082013 GB 02

Pengiktirafan MS ISO/IEC 27001:2013  
NO. SIJIL: 027-ISO49

didapati bahawa perkhidmatan ini masih relevan dan terdapat agensi Kerajaan yang masih memerlukan perkhidmatan mySMS ini dan telah berurusan dengan pihak tuan.

5. Sehubungan itu, MAMPU ingin memberi kebenaran kepada Syarikat DAPAT Vista (M) Sdn. Bhd. untuk menggunakan nombor CISC 15888 untuk kegunaan Perkhidmatan mySMS Kerajaan sehingga 31 Disember 2022 dengan mematuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- i. Perkhidmatan mySMS 15888 hanya boleh digunakan oleh agensi Kerajaan sahaja;
- ii. Bagi pelaksanaan perkhidmatan mySMS dengan menggunakan nombor CISC 15888 ini, pihak syarikat perlu menanggung kos pembayaran bagi *Assignment Fee* sebanyak RM600.00 setiap tahun kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM);
- iii. Pihak MAMPU boleh menamatkan penggunaan nombor CISC 15888 pada bila-bila masa sekiranya didapati agensi-agensi Kerajaan tidak lagi berminat untuk menggunakan perkhidmatan ini; dan
- iv. Laporan penggunaan yang lengkap perlu diserahkan dan mendapat pengesahan daripada pihak MAMPU pada setiap bulan.


6. Pihak tuan diminta untuk mengemukakan kembali Persetujuan Penggunaan Nombor *Common Intercarrier Short Code* (CISC) 15888 yang telah ditandatangani dan disaksikan seperti di **Lampiran A** untuk tindakan selanjutnya.

Perhatian tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HANISSULL JALIS BINTI MD YUSOF)**

Timbalan Pengarah,  
Bahagian Pembangunan Aplikasi,  
b.p. Ketua Pengarah,  
Unit Pemodenan Tadbiran dan  
Perancangan Pengurusan Malaysia,  
Jabatan Perdana Menteri.

No. Tel : 03-88725173

No. Faks : 03-83182162

E-mel : [hanissull@mampu.gov.my](mailto:hanissull@mampu.gov.my)

Salinan kepada:

**YBrs. Dato' Dr. Suhazimah binti Dzazali,**  
Timbalan Ketua Pengarah (ICT),  
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia  
(MAMPU).

**YBhg. Dato' Azlan bin Johar,**  
Pengarah,  
Bahagian Khidmat Pengurusan,  
MAMPU.



**Hajah Laila Hassan,**  
Ketua Bahagian,  
Bahagian Pelesenan dan Penguntukan,  
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6,  
63000 Cyberjaya, Selangor.

**Encik Ruzamri bin Ruwandi,**  
Ketua Jabatan,  
Jabatan Penomboran dan Pengurusan Pengalamatan Elektronik,  
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia,  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6,  
63000 Cyberjaya, Selangor.

## Lampiran A

**PERSETUJUAN PENGGUNAAN NOMBOR COMMON INTERCARRIER SHORT CODE (CISC) 15888**

Dengan ini mengesahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat ini melalui rujukan MAMPU.700-2/3/1 JLD.3 (45) bertarih 25 JUN 2020 dan bersetuju untuk menggunakan nombor *Common Intercarrier Short Code* (CISC) 15888 bagi kegunaan Perkhidmatan mySMS Kerajaan dengan mematuhi syarat-syarat yang terkandung dalam surat ini.

SYARIKAT	DI HADAPAN SAKSI
	
Tandatangan	Tandatangan
Nama Penuh:	Nama Penuh:
<b>SABRI AB RAHMAN</b> EXECUTIVE DIRECTOR	<b>ZULZAHA SHAARI</b> HEAD OF CORPORATE SERVICES
Jawatan:	Jawatan:
No. Kad Pengenalan:	No. Kad Pengenalan:
590730-03-5567	601124-02-5183
Alamat:	Alamat:
Meterai/Cop Syarikat:	Meterai/Cop Syarikat:
DAPAT Vista ( M ) Sdn Bhd (508358-X) Unit 548-550, Block A, Kelana Centre Point, No. 3, Jalan SS7/19, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor. Tel No : 03-7806 2755 Fax No : 03-7803 2755	DAPAT Vista ( M ) Sdn Bhd (508358-X) Unit 548-550, Block A, Kelana Centre Point, No. 3, Jalan SS7/19, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor. Tel No : 03-7806 2755 Fax No : 03-7803 2755
Tarikh:	Tarikh:
2 8 JUN 2020	2 8 JUN 2020